




*Khutbah Jumaat 29 Julai 2022M / 29 Zulhijjah 1443H: "Perjuangan Pahlawan Negara"
Jabatan Agama Islam Selangor*

MANUAL KHUTBAH JUMAAT

**TAJUK;
PERJUANGAN
PAHLAWAN
NEGARA**



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"PERJUANGAN PAHLAWAN NEGARA".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ : وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ بَلْ أَحْيَاءٌ

وَلَكِنْ لَا تَشْعُرُونَ 104

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ

إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ 105

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan dimasukkan ke dalam syurga Allah SWT di akhirat nanti.

Khutbah pada hari ini akan memperkatakan tentang Perjuangan Pahlawan Negara bersempena dengan sambutan Hari Pahlawan pada 31 Julai tahun ini.



Dalam sejarah, negara kita memang tidak pernah ketandusan dalam melahirkan pahlawan-pahlawan negara yang terbilang dan berjasa sehingga pihak penjajah tidak pernah merasa aman selama menduduki negara ini. Mereka terpaksa berhadapan dengan para pejuang yang rela berputih tulang daripada berputih mata. Keberanian mereka adalah benar dan nyata dalam mempertahankan maruah tanah air tercinta daripada gugatan musuh dan kuasa penjajah. Pahlawan negara teguh pendirian dan pergantungan kepada Allah SWT serta sentiasa reda dan bertawakkal kepada Allah SWT dalam setiap tindakan. Tuntutan menjaga agama, bangsa dan tanahair menjadi tonggak perjuangan mereka. Walaupun tidak mendapat penghargaan didunia ini, tetapi mereka tetap mendapat kebahagiaan di akhirat.

7

Kita hendaklah mengambil iktibar keberanian dan semangat mereka mempertahankan kesucian Islam dan kedaulatan negara. Mereka berani melawan musuh untuk menyelamatkan negara dan mempertahankan agama Islam. Kini, malangnya ada sebahagian manusia dalam negara ini yang berani melawan sesama bangsa dan bermusuhan dengan agama yang pasti merugikan negara dan semua umat manusia. Hindarilah permusuhan dan perpecahan kerana kita juga yang rugi. Negara akan tergadai. Jangan buka peluang kepada pihak-pihak musuh dan pihak luar menguasai negara ini. Peringatan ini disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan menitahkannya melalui kenyataan media bertarikh 4 Julai 2022 bahawa kekuatan sesuatu bangsa terletak kepada semangat perpaduan dan pegangan kepada agama Islam. Sesbuah tamaddun dan negara boleh runtuh seandainya kita tidak bersatu-padu dan bekerjasama dalam mempertahankannya.

8

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,



Ramai yang tidak sedar akan pengorbanan dan perjuangan pahlawan negara yang tiada galang gantinya demi memastikan negara bebas daripada penjajahan dan ancaman musuh. Jasa dan keperwiraan Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, agensi keselamatan dan tokoh-tokoh negarawan sebagai pahlawan negara hendaklah dikenang, disanjung serta didoakan agar terus dirahmati Allah SWT. Jasa mereka tidak sewajarnya kita lupakan kerana kita tidak mungkin kecapi apa yang ada kini sekiranya bukan kerana pengorbanan dan perjuangan mereka. Apakah wajar nikmat keamanan dan kemajuan ini kita tukar dengan suasana huruhara dan kacau bilau akibat persengketaan dan perselisihan sesama sendiri? Persengketaan dan permusuhan segelintir rakyat bukan sahaja melupakan perjuangan pahlawan negara bahkan menguntungkan pihak musuh.

9

Rasulullah SAW sangat benci kepada umatnya yang suka bersengketa. Sayyidina **Umar bin al-Khattab** Radiallahu'anhu mengingatkan melalui sebuah hadis daripada Rasulullah SAW bahawa baginda bersabda:

10

عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ، وَإِيَّاكُمْ وَالْفُرْقَةَ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ وَهُوَ مِنَ الْاُثْنَيْنِ أَبْعَدُ، مَنْ أَرَادَ بُحْبُوْحَةَ الْجَنَّةِ فَلَيَلْزَمْ الْجَمَاعَةَ

"Hendaklah kamu sekalian selalu bersama jama'ah muslimin. Dan berwaspadalah kalian daripada berpecah belah, kerana sesungguhnya syaitan itu selalu bersama orang yang bersendirian, sedangkan ia dari dua orang adalah lebih jauh lagi. Barangsiapa yang menginginkan tempat terbaik dalam syurga, maka hendaklah ia tetap bersama jama'ah muslimin."

11

(Riwayat al-Tirmizi).



Keselamatan dan kedaulatan negara yang dipertahankan adalah suatu tugas mulia dan suatu tuntutan Syariah untuk menegakkan agama Allah di muka bumi ini. Inilah perjuangan pahlawan negara dengan penuh taat, sabar dan ikhlas bagi memastikan Islam terpelihara, negara terjaga dan rakyat terbela. Mereka yakin Allah SWT sentiasa membantu dan memberikan pertolongan serta kemenangan kepada mereka yang ikhlas dan sabar berjuang mengharapkan keredaan Allah SWT.

12

Allah SWT berfirman dalam surah Ali Imran ayat 146:

وَكَانُوا مِنْ نَّبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا لِمَا أَصَابَهُمْ فِي
سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا أَسْتَكَنُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٦﴾

13

"Dan berapa ramai dari nabi-nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang-orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan (agama) Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh) dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar."

14

Dalam sejarah Islam ramai pahlawan Islam yang bersemangat jihad yang tinggi dan kuat seperti Saidina Hamzah, Khalid bin al-Walid, Thariq bin Ziyad, Salahuddin al-Ayyubi dan lain-lain lagi. Manakala pahlawan negara pula adalah seperti Mat Kilau bin Imam Rasu, Haji Hassan bin Munas atau Tok Janggut, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak, Leftenan Adnan dan Sarjan Hassan. Mereka ini semua berjihad dan berkurban jiwa untuk mempertahankan negara dan membantu menjaga keamanan di negara lain. Mudah-mudahan mereka diberi ganjaran dan kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT.

15



Kejayaan mereka dalam perjuangan adalah kerana mereka berdisiplin, amanah, jujur dan ikhlas dalam berjuang. Oleh itu, jagalah akhlak dan tingkah laku kita bagi menjamin kestabilan dan mengekalkan keamanan negara. Amalkanlah disiplin yang tinggi, jujur dan amanah dalam sebarang pekerjaan kerana orang yang jujur lagi beramanah akan malu kepada dirinya dan malu kepada Allah SWT apabila ia ingin melakukan perbuatan pecah amanah dan perkara-perkara keji.

16

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah memiliki pegangan akidah yang kuat dan yakin bahawa berjuang mempertahankan Islam, bangsa dan negara pasti diberikan pertolongan oleh Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah mencontohi kehidupan pahlawan negara yang berjuang kerana Allah untuk menegakkan Islam, bangsa dan negara.
3. Umat Islam hendaklah sedar bahawa kehancuran sesebuah negara itu pasti berlaku jika pemimpinnya mementingkan diri sendiri, sentiasa berpolitik kotor, berakhlik buruk dan umatnya yang bercerai-berai dan bermusuhan sesama sendiri.

17

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْ كُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ
إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءَ فَآلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْرَانًا وَكُنْتُمْ
عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ
عَائِتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهَتَّدُونَ

18



"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatakan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang Neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari Neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya."

19

(Surah ali-Imran : 103).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ

31



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。

2

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

3

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

4

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا عَئِيهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

5

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

6

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ

وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

7

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ

وَالْمُشْرِكِينَ.

8



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

9

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الحَاجِ.

10

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَليِ
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ،

11

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

12

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

16

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ
وَالْمِحَنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

18

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَتْنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَاماً.
رَبَّنَا إَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.

19

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

20

فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

21